

## **Karya Al-Tawabi' Wa Al-Zawabi' Oleh Ibn Shuhayd (382-426H) Dan Risalat Al-Ghufran Oleh Al-Ma'arri (363-449H): Satu Adaptasi Daripada Peristiwa Isra' Mi'raj**

Oleh: Rahmah Ahmad H. Osman <sup>1</sup> dan Mohd Shahrizal Nasir <sup>2</sup>

**Abstract:** Fourteen hundred years ago al-Isra' wa al-Mi'raj or 'The Night Journey' brought to the world something that changed the course of history. The Isra' Mi'raj is considered a sign of Allah's power by the God conscious. Therefore, this magnificent journey which contains a thousand and one wisdoms and miracles is very significant in Islam and will remain etched in the history of Islam. This article discusses the impact of the Isra' Mi'raj in the world of Arabic literature. For this purpose, this study will analyses two examples of Arabic literary works, which have been directly or indirectly inspired by the Isra' Mi'raj: al-Tawabi' wa al-Zawabi' and Risalat al-Ghufran. This article unveils a number of issues, which are seen as a direct result from the impact of the Isra' Mi'raj. Should this aspect really exist in these literary works, an inevitable fact avails, which is, that the Isra' Mi'raj has definitely played a significant role in fiction writings of Arabic literatures. Having established the above, caution should be practiced to ensure that the truth behind the Isra' Mi'raj be preserved and protected from any negative and offensive elements towards Islam and Muslims, notwithstanding the artistic nature of the works in scrutiny. Without any doubt, Isra' Mi'raj is a fact that has been mentioned in the Qur'an and the authentic Hadith of the Prophet Muhammad SAW.

**Keywords:** Adaptasi, Isra' Mi'raj , al-Tawabi' wa al-Zawabi' , Risalat al-Ghufran, akidah.

### **PENDAHULUAN**

Al-Qur'an merupakan sebuah kitab suci umat Islam yang lengkap meliputi aspek perbincangan hal-hal dunia dan ukhrawi. Kitab suci umat Islam ini mengandungi seribu satu skop perbincangan sama ada yang berkaitan dengan hukum-hakam, sejarah, kisah tauladan, perumpamaan, mahupun fakta sains yang mungkin masih belum berjaya dibongkar oleh manusia. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT yang menyatakan bahawa al-Qur'an merupakan Kitab panduan untuk orang-orang yang beriman dan tiada sebarang keraguan dalam fakta yang dibawanya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Kitab al-Qur'an ini tiada keraguan padanya, petunjuk bagi mereka yang bertakwa".<sup>3</sup>

Daripada ayat di atas, jelas menunjukkan bahawa setiap perkara yang berkaitan dengan Islam, ia semestinya mempunyai asas yang jelas serta termaktub dalam al-Qur'an yang menjadi panduan utama umat Islam. Seperti yang sedia maklum, Isra' Mi'raj merupakan salah satu peristiwa yang tercatat di dalam al-Qur'an. Hakikatnya, peristiwa ini amat berpengaruh jika dikaitkan dengan hasil-hasil kesusasteraan, bukan sahaja mencakupi kesusasteraan Arab, malah juga kesusasteraan Barat. Justeru, tidak hairanlah apabila terdapat beberapa versi karya sastera yang mengadaptasi peristiwa Isra' Mi'raj secara langsung mahu pun tidak langsung. Dari satu sudut, keadaan ini menunjukkan betapa berpengaruhnya peristiwa sejarah Islam dalam kehidupan

<sup>1</sup> Profesor Madya di Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>2</sup> Dosen Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

<sup>3</sup> Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, ayat 2.

masyarakat sehingga dijadikan modal untuk menghasilkan karya sastera. Namun di sudut yang lain pula, keadaan seperti ini harus ditangani dengan berhati-hati agar peristiwa *Isra' Mi'raj* tidak diadaptasi secara songsang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Apa yang dikhuatiri, jika perkara ini berlaku, natijah akhirnya bakal memberi satu imej buruk terhadap Islam.

Oleh itu, artikel ini bertujuan merungkai sejauh mana adaptasi peristiwa *Isra' Mi'raj* dalam dua buah hasil karya kesusasteraan Arab. Beberapa penyelewengan yang menjurus kepada adaptasi peristiwa *Isra' Mi'raj* akan diketengahkan dalam artikel ini. Sebenarnya, kajian ini bukanlah bertujuan untuk menyempitkan kreativiti seseorang serta menolak sebarang bentuk imaginasi dalam pengkaryaan, tetapi perbincangan ini bertujuan menyingkap sejauh mana dekatnya adaptasi peristiwa *Isra' Mi'raj* dalam karya kesusasteraan Arab. Sebanyak dua buah karya kesusasteraan Arab akan dibincangkan bagi tujuan tersebut iaitu *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* oleh Ibn Shuhayd dan *Risalat al-Ghufran* oleh Abu al-'Ala' al-Ma'arri.

## ISRA' MI'RAJ: SOROTAN PERISTIWA AGUNG ISLAM

Peristiwa *Isra' Mi'raj* merupakan sebuah peristiwa di mana Allah SWT menjelaskan kronologinya dalam al-Qur'an. Perlu dijelaskan di sini bahawa, metode al-Qur'an dalam menerangkan sesuatu peristiwa sejarah ialah hanya dengan penjelasan secara sepintas lalu, tanpa huraian secara terperinci. Justeru, para pengkaji sejarah Islam, secara lazimnya akan melihat Hadis Rasulullah SAW yang ada menyentuh kisah-kisah al-Qur'an seperti peristiwa *Isra' Mi'raj* ini bagi mendapat gambaran yang lebih jelas mengenainya. Sesuatu yang tidak dapat disangkal ialah peristiwa *Isra' Mi'raj* ini membawa pengertian yang besar dalam Islam. Menerusi peristiwa ini, ibadah solat fardu lima waktu mula disyariatkan kepada seluruh umat Islam. Solat yang merupakan tiang agama ini telah difardukan secara langsung kepada Nabi Muhammad SAW melalui peristiwa *Isra' Mi'raj*. Betapa signifikannya peristiwa ini sehingga Allah SWT menamakan satu surah dalam al-Qur'an dengan nama *Surah al-Isra'*, iaitu mengambil nama sempena peristiwa *Isra' Mi'raj*.

Terdapat pelbagai pendapat dan perbincangan mengenai peristiwa *Isra' Mi'raj*. Samsu Adabi Mamat menyatakan dalam tulisannya tentang beberapa persepsi berkaitan peristiwa agung ini. Namun, apa yang pasti, kesemua persepsi dan pendapat ini harus dinilai menurut acuan al-Qur'an dan Hadis agar maklumat yang diperolehi tidak terpesong sama sekali daripada fakta yang sebenar. Umat Islam terutamanya, wajib mengelakkan diri daripada menggunakan logik akal semata-mata dalam menilai kebenaran peristiwa *Isra' Mi'raj*. Hal ini kerana, mengingkari atau menafikan kebenaran peristiwa *Isra' Mi'raj* boleh menjerumuskan umat Islam itu ke lembah kekufturan. Antara pendapat-pendapat berkaitan peristiwa *Isra' Mi'raj* adalah seperti berikut:<sup>4</sup>

1. Kalangan orang Islam ada yang menolak peristiwa ini kerana dianggap bertentangan dengan akal.
2. Kalangan orang Islam juga ada yang berhujah masing-masingnya tentang berlakunya peristiwa ini sama ada secara roh sahaja atau secara roh dan jasad.
3. Kalangan orang Islam pula ramai melihat peristiwa ini penting di dalam membangunkan peraturan sosial Islam seperti larangan riba, mengumpat, perbuatan zina dan lain-lain.

<sup>4</sup> Samsu Adabi Mamat, "Israk Mikraj: Mencari Panduan Ketamadunan", dipetik daripada: <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/lihat.php?jakim=1868>, pada 1 Julai 2010, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

4. Kalangan Muslim juga ramai yang melihat peristiwa ini dari aspek saintifik yang harus membuka minda masyarakat untuk pembangunan kemajuan umat Islam dan manusia keseluruhannya.

Sebelum perbincangan lanjut mengenai peristiwa ini dilakukan, adalah lebih baik jika diteliti makna kalimah *Isra'* dan *Mi'raj* menurut morfologi bahasa Arab. Seperti yang sudah dimaklumi, kedua-dua perkataan ini merupakan kalimah dalam bahasa Arab. Perkataan *Isra'* berasal daripada kata kerja *asra* (أَسْرَى) yang bererti perjalanan malam.<sup>5</sup> Di dalam al-Qur'an perkataan *asra* digunakan oleh Allah SWT khusus bagi menjelaskan peristiwa *Isra'* *Mi'raj*. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Maha suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam, dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa yang telah Kami berkati sekelilingnya, agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Kami. Sesungguhnya Dia adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat".<sup>6</sup>*

Manakala perkataan *Mi'raj* pula menurut kamus *Lisan al-Arab* bererti satu alat yang menyerupai tangga yang digunakan oleh roh manusia untuk ke langit setelah dipisahkan daripada jasad.<sup>7</sup> Perkataan ini berasal daripada kata kerja *'araja* (عَرَجَ).<sup>8</sup> Allah SWT merakamkan peristiwa *Mi'raj* Rasulullah SAW ke langit menerusi firman-Nya yang bermaksud:

*"Dan sesungguhnya Muhammad telah melihat Jibril (dalam bentuknya yang asal) pada waktu yang lain. (Iaitu) di Sidrat al-Muntaha. Berhampiran dengannya terdapat syurga tempat tinggal (Muhammad melihat Jibril) ketika Sidrat al-Muntaha diliputi oleh sesuatu yang meliputinya. Penglihatannya (Muhammad) tidak berpaling dari yang dilihatnya itu dan tidak (pula) melampauinya. Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian tanda-tanda (kekuasaan) Tuhan yang paling besar".<sup>9</sup>*

Berdasarkan ayat-ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa peristiwa *Isra'* *Mi'raj* ini memang benar-benar dilalui oleh Rasulullah SAW semasa hayatnya. Sebenarnya, peristiwa *Isra'* *Mi'raj* membawa pengertian yang amat besar dalam sejarah perkembangan Islam. Selain daripada tujuan utamanya iaitu pensyariatan ibadah solat kepada umat Islam, peristiwa ini juga meninggalkan kesan yang mendalam terhadap iman seseorang kerana sebaik sahaja Rasulullah SAW menceritakan peristiwa ini kepada para sahabat, maka ada dikalangan mereka yang meragui kesahihannya. Keadaan ini berlaku kerana peristiwa *Isra'* *Mi'raj* amat bertentangan dengan logik akal yang waras. Oleh itu, signifikannya peristiwa ini terhadap Islam apabila ia menjadi kayu ukur terhadap tahap keimanan para sahabat Rasulullah SAW pada ketika itu.

Selain itu, jika diteliti secara mendalam, peristiwa *Isra'* *Mi'raj* telah membangun dan menjelaskan satu peraturan sosial yang sejajar dengan tuntutan Islam. Hal ini dapat disandarkan kepada beberapa peristiwa yang diperlihatkan kepada Rasulullah SAW dalam perjalanan *Isra'* *Mi'raj* tersebut seperti larangan zina, makan riba', mengadu domba dan beberapa lagi yang kesemua balasan daripada larangan tersebut dapat dilihat secara jelas dan langsung. Sesungguhnya, memang benar janji Allah SWT kepada mereka yang ingkar terhadap perintah-Nya. Segala bentuk larangan Allah SWT sama ada yang kecil mahu pun yang besar, pasti terbalas dengan azab seksaan yang setimpal selagi manusia tersebut tidak bertaubat dengan taubat yang sebenar (*taubat nasuha*).

<sup>5</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab* (Bayrut: Dar Sadir, 1990), j. 14, h. 382.

<sup>6</sup> Al-Qur'an, Surah al-Isra', ayat 1.

<sup>7</sup> Ibn Manzur, *Lisan al-Arab*, j. 2, h. 322.

<sup>8</sup> Ibid., j. 2, h. 321.

<sup>9</sup> Al-Qur'an, Surah al-Najm, ayat 13-18.

Bagi melihat kronologi peristiwa besar ini, artikel ini akan menyoroti beberapa situasi penting yang berlaku dalam peristiwa *Isra' Mi'raj*. Penelitian terhadap situasi-situasi ini, walaupun secara sepintas lalu, adalah penting bagi mendapat gambaran yang jelas mengenai *Isra' Mi'raj*. Pemahaman ini juga akan menjelaskan lagi aspek peristiwa *Isra' Mi'raj* yang telah diadaptasi dalam karya-karya sastera yang akan dibincangkan nanti. Terdapat perselisihan pendapat mengenai tarikh sebenar berlakunya peristiwa *Isra' Mi'raj* ini. Ibn al-Jawzi berpendapat peristiwa *Isra' Mi'raj* berlaku lapan bulan sebelum Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, Ibn 'Abd al-Bir pula berkata ia berlaku kira-kira setahun dua bulan sebelum Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, manakala Ibn Faris berpegang kepada tarikh setahun dan tiga bulan sebelum Hijrah, dan Ibn al-Athir pula berpendapat ia berlaku tiga tahun sebelum proses Hijrah.<sup>10</sup>

Walaupun para ulama' tidak sepandapat mengenai tarikh sebenar berlakunya peristiwa *Isra' Mi'raj* ini, namun secara sepakat mereka bersetuju bahawa peristiwa ini berlaku selepas Rasulullah SAW dilantik menjadi Rasul dan sebelum Baginda SAW dan para Muslimin Mekah berhijrah ke Madinah. Menurut Safi al-Din al-Mubarakfuri, peristiwa *Isra' Mi'raj* berlaku apabila Baginda SAW mengalami pembedahan dada yang dilakukan oleh Malaikat Jibril AS.<sup>11</sup> Hati Baginda SAW telah dicuci dengan air zamzam dan kemudian dituangkan hikmat, ilmu dan iman ke dalam dada Rasulullah SAW.<sup>12</sup> Secara tidak langsung, keadaan ini menunjukkan bahawa hati merupakan punca segala amalan dan tindak-tanduk manusia. Penyucian terhadap hati adalah amat perlu sebelum Rasulullah SAW menemui Allah SWT bagi menerima perintah secara langsung daripada-Nya. Selain itu, situasi ini membawa pengertian bahawa peristiwa *Isra' Mi'raj* amat besar nilainya sehingga ia dimulakan dengan persediaan penyucian hati yang dilakukan terhadap insan agung yang sememangnya telah sediakala mulia di sisi Allah SWT.

Ibn Mas'ud meriwayatkan bahawa setelah selesai pembedahan yang dilakukan sendiri oleh Malaikat Jibril AS, telah didatangkan seekor binatang bernama *Buraq* untuk ditunggangi oleh Rasulullah SAW bagi perjalanan luar biasa yang dinamakan *Isra'*.<sup>13</sup> Sebenarnya, jika dilihat dari sudut yang lebih menjurus kepada manfaat manusia di dunia, peristiwa *Isra' Mi'raj* telah membuka ruang yang amat luas bagi diadaptasi secara kreatif untuk sumbangan dalam bidang sains dan teknologi. Sebagai contoh, penggunaan *Buraq* dapat dilihat sebagai satu manifestasi ke arah penciptaan kenderaan berteknologi canggih dan pantas seperti yang wujud pada ketika ini.

Sepanjang perjalanan menuju ke *Masjid al-Aqsa* di Bait al-Maqdis, Rasulullah SAW diiringi oleh Malaikat Jibril AS. Apabila tiba di tempat-tempat tertentu yang tercatat padanya kisah-kisah sejarah Islam, Rasulullah SAW diajukan oleh Jibril AS supaya berhenti dan bersolat dua rakaat bagi menghormati tempat tersebut. Diriwayatkan oleh Anas RA, antara tempat-tempat berkenaan ialah Yathrib, Tursina iaitu tempat Nabi Musa AS bermunajat kepada Allah SWT dan Bayt al-Laham iaitu tempat Nabi 'Isa AS dilahirkan.<sup>14</sup> Selain itu, dicatatkan bahawa dalam perjalanan menuju ke *Masjid al-Aqsa* itu juga, Rasulullah SAW dapat menyaksikan peristiwa-peristiwa simbolik yang amat menakjubkan. Peristiwa-peristiwa ini dinyatakan dalam sebuah Hadis Abu Hurayrah, yang diriwayatkan oleh al-Tabrani. Antaranya gambaran kaum yang sedang bercucuk-tanam dan terus menuai hasil tanaman mereka, dan apabila selesai dituai, hasil

<sup>10</sup> Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2003), j. 7, h. 257.

<sup>11</sup> Al-Mubarakfuri, Safiy al-Din, *al-Rahiq al-Makhtum* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2000), h. 101.

<sup>12</sup> Al-Haythami, al-Hafiz Nur al-Din 'Ali bin Abi Bakr bin Sulayman, *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 2001), j. 1, h. 90.

<sup>13</sup> Ibn Kathir, *Safwah al-Sirah al-Nabawiyah* (Qahirah: Wizarah al-Awqaf Jumhuriyah Misr al-'Arabiyah, 2007), j. 2, h. 52.

<sup>14</sup> Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, j. 7, h. 253; Al-Haythami, *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*, j. 1, h. 97.

yang baru akan keluar semula seolah-olah belum lagi dituai. Keadaan ini berlaku berulang-ulang kali, Raslullah SAW diberitahu oleh Malaikat Jibril AS bahawa gambaran itu menunjukkan ganjaran Allah SWT kepada kaum yang berjihad di jalan Allah SWT (*fisabilillah*) yang digandakan pahala kebaikan mereka.<sup>15</sup>

Rasulullah SAW juga ditunjukkan gambaran satu kaum yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Mereka memakan daging mentah yang busuk, sedangkan daging masak dan elok ada di sisi mereka. Menurut Jibril AS, mereka adalah golongan lelaki dan perempuan yang melakukan zina sedangkan lelaki dan perempuan itu masing-masing mempunyai isteri atau suami yang sah.<sup>16</sup> Selain itu, Rasulullah SAW juga menyaksikan sekumpulan manusia yang sedang mengumpul kayu api, mereka tidak mampu untuk memikulnya, tetapi mereka terus menambah bebanan kayu tersebut. Keadaan ini adalah gambaran bagi mereka yang tidak menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.<sup>17</sup> Begitu juga dengan keadaan sekumpulan manusia yang memotong lidah mereka sendiri, setiap kali lidah tersebut putus, ia kembali seperti sediakala, lantas dipotongnya lagi lidah tersebut. Keadaan ini adalah gambaran balasan terhadap mereka yang suka menyebarkan fitnah.<sup>18</sup> Sesungguhnya, kesemua peristiwa ini memberi gambaran yang jelas kepada umat Islam bahawa setiap amalan buruk yang dilakukan di dunia, pasti mendapat balasan yang setimpal di akhirat kelak. Secara tidak langsung, gambaran-gambaran tersebut membuktikan ketegasan Islam berkaitan perkara larangan yang sememangnya membawa kesan negatif dalam kehidupan manusia.

Setibanya di *Masjid al-Aqsa*, Rasulullah SAW turun daripada *Buraq* dan kemudian masuk ke dalam masjid lalu mengimamkan sembahyang dua rakaat yang disertai oleh sekalian para Nabi dan Rasul yang terdahulu daripada Baginda SAW.<sup>19</sup> Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa martabat Rasulullah SAW itu amat tinggi, sesuai dengan kedudukannya sebagai Rasul terakhir yang diutuskan kepada sekalian umat manusia. Allah SWT menjelaskan perkara ini menerusi firman-Nya yang bermaksud:

*"Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi. dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu".*<sup>20</sup>

Selepas peristiwa *Isra'*, Rasulullah SAW didatangkan dengan *Mi'raj* iaitu sebuah tangga yang indah dari syurga.<sup>21</sup> Rasulullah SAW dan Malaikat Jibril AS naik ke langit dunia dengan menggunakan *Mi'raj* ini. Perkara ini seterusnya menyangkal sesetengah pendapat yang mengatakan Rasulullah SAW dan Jibril AS naik ke langit dengan menaiki *Buraq*.<sup>22</sup> Seterusnya Baginda SAW dan Jibril AS menaiki setiap daripada langit dunia yang terdiri daripada tujuh peringkat dan bertemu dengan para Rasul terdahulu daripada Baginda SAW. Pada langit pertama, Rasulullah SAW dan Jibril AS bertemu dengan Nabi Adam AS. Al-Baihaqi ada meriwayatkan bahawa ketika ini Rasulullah SAW diperlihatkan dengan dua kumpulan manusia, iaitu satu kumpulan daripada golongan yang beriman, manakala kumpulan kedua daripada

<sup>15</sup> Ibid.; al-Haythami, *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*, j. 1, h. 92.

<sup>16</sup> Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, j. 7, h. 253; al-Haithami, *Majma' al-Zawayid wa Manba' al-Fawa'id*, j. 1, h. 92.

<sup>17</sup> Ibid., h. 254; Ibid.

<sup>18</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Ibn Kathir, *Safwah al-Sirah al-Nabawiyah*, h. 52.

<sup>20</sup> Al-Qur'an, Surah al-Ahzab, ayat 40.

<sup>21</sup> Ibn Kathir, *Safwah al-Sirah al-Nabawiyah*, h. 55.

<sup>22</sup> Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, j. 7, h. 264.

golongan yang melakukan dosa dan kejahatan.<sup>23</sup> Di langit kedua, Rasulullah SAW dan Jibril AS bertemu dengan Nabi Yahya AS dan Nabi 'Isa AS. Seterusnya, di langit ketiga Rasulullah SAW bertemu dengan Nabi Yusuf AS. Manakala di langit keempat, Baginda SAW bertemu dengan Nabi Idris AS. Seterusnya Rasulullah SAW bertemu dengan Nabi Harun AS yang dikelilingi oleh kaumnya Bani Israil di langit kelima. Di langit keenam, Rasulullah SAW bertemu dengan Nabi Allah Musa AS. Akhirnya di langit ketujuh, Baginda SAW telah bertemu dengan Nabi Ibrahim Khalilullah AS yang sedang bersandar di *Bayt al-Ma'mur*, iaitu sebuah tempat di mana para Malaikat bertawaf mengelilinginya.<sup>24</sup>

Selepas itu, Rasulullah SAW telah dinaikkan ke *Sidrat al-Muntaha* untuk bertemu dengan Allah SWT, iaitu untuk menerima perintah solat lima waktu terhadap umatnya.<sup>25</sup> Diriwayatkan oleh Anas ibn Malik RA dalam Hadis yang panjang, bahawa ketika di *Sidrat al-Muntaha*, Rasulullah SAW telah dihidangkan dengan tiga bejana yang berisi arak, susu dan madu. Rasulullah SAW telah memilih bejana yang mengandungi susu lalu meminumnya. Menurut Jibril AS, Baginda SAW telah membuat pilihan yang tepat, iaitu pilihan yang menunjukkan fitrah. Fitrah di sini merujuk kepada sifat semulajadi bagi Rasulullah SAW dan umatnya yang cintakan kebaikan dan benci kepada keburukan.<sup>26</sup> Menurut Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti pula, fitrah di sini merujuk kepada Islam iaitu satu agama yang tidak sesekali menyalahi tabiat manusia.<sup>27</sup> Dengan kata lain, kesemua peraturan yang digariskan oleh Islam tidak sesekali memberati manusia untuk dipraktikkan dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Kemudian itu, telah berlangsung dialog antara Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Pada awalnya, Allah SWT telah menfardukan ke atas Rasulullah SAW dan umatnya ibadah solat iaitu sebanyak lima puluh kali sehari semalam.<sup>28</sup> Selesai bermunajat kepada Allah SWT, dalam perjalanan turun dari *Sidrat al-Muntaha*, Rasulullah SAW menemui Nabi Musa AS dan Baginda AS meminta agar Rasulullah SAW memohon kepada Allah SWT supaya diberi keringanan berkaitan jumlah solat yang difardukan.<sup>29</sup> Lalu dengan rahmat dan kasih Allah SWT, akhirnya solat telah disyariatkan sebanyak lima waktu sehari semalam dengan mengekalkan nilainya sebanyak lima puluh waktu juga.

Selepas *Mi'raj*, Rasulullah SAW dibawa turun ke langit dunia semula untuk kembali ke Bayt al-Maqdis. Rasulullah SAW telah dibawa menaiki *Buraq* untuk pulang ke Mekah pada malam yang sama. Diriwayatkan bahawa kepulangan Rasulullah SAW di Bayt al-Maqdis telah disambut oleh para Nabi dan Rasul terdahulu sebagai satu tanda penghormatan terhadap Baginda SAW.<sup>30</sup> Menurut Shaikh Abu Muhammad ibn Abi Jamrah, antara hikmah Rasulullah SAW melalui peristiwa *Isra'* terlebih dahulu, sebelum naik ke langit (*Mi'raj*) ialah bagi membuktikan bahawa Baginda SAW benar-benar melalui peristiwa *Isra'* *Mi'raj*. Ini kerana mereka yang ragu-ragu dengan kebenaran Rasulullah SAW telah meminta Rasulullah SAW menceritakan perihal Bayt al-Maqdis tersebut. Justeru, kebenaran yang diungkap oleh Rasulullah SAW dalam menceritakan perihal Bayt al-Maqdis secara langsung membuktikan kebenaran peristiwa yang dilalui oleh Baginda SAW selepas itu iaitu *Mi'raj* ke langit.<sup>31</sup>

<sup>23</sup> Ibid., j. 7, h. 266; Ibn Qayyim al-Jawziyah, *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad* (Bayrut: Dar al-Fikr, 2003), j. 3, h. 27.

<sup>24</sup> Al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq al-Makhtum*, h. 100.

<sup>25</sup> Ibn Kathir, *Safwah al-Sirah al-Nabawiyah*, h. 57.

<sup>26</sup> Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, j. 7, h. 256.

<sup>27</sup> Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan, *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah* (Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 2003), h. 113.

<sup>28</sup> Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, j. 7, h. 256.

<sup>29</sup> Al-Mubarakfuri, *Al-Rahiq al-Makhtum*, h. 100.

<sup>30</sup> Ibn Kathir, *Safwah al-Sirah al-Nabawiyah*, h. 58.

<sup>31</sup> Al-'Asqalani, *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, j. 7, h. 255.

Sebenarnya, terdapat beberapa persoalan yang timbul iaitu sama ada peristiwa *Isra' Mi'raj* ini berlaku melibatkan roh Baginda SAW sahaja ataupun jasadnya sekali. Ibn Abbas serta jumhur ulama' berpendapat bahawa peristiwa *Isra' Mi'raj* ini dialami oleh Rasulullah SAW secara roh dan jasadnya sekali, dan bukan dalam bentuk rohnya sahaja atau melalui proses mimpi.<sup>32</sup> Pandangan ini turut dipersejui oleh Ibn Qayyim al-Jawziyah seperti yang tercatat dalam kitabnya *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*.<sup>33</sup> Perlu ditegaskan di sini bahawa ayat pertama *Surah al-Isra'* juga telah menjelaskan bahawa peristiwa ini memang benar-benar berlaku terhadap diri Rasulullah SAW. Justeru, secara jelas Allah SWT menyatakan bahawa berlakunya peristiwa ini adalah sebagai menzahirkan tanda-tanda kebesaran Allah SWT. Apa yang lebih penting untuk difahami bahawa peristiwa *Isra' Mi'raj* merupakan satu peristiwa yang telah membawa pengertian yang besar dalam Islam. Ia bukan sahaja bertujuan menfardukan ibadat solat semata-mata, tetapi lebih daripada itu, ia membawa mesej bahawa setiap peristiwa yang dialami oleh Rasulullah SAW pastinya membawa makna dan pengajaran yang amat bermakna khususnya yang mencakupi aspek keimanan kepada perkara-perkara ghaib.

Di samping itu, peristiwa *Isra' Mi'raj* turut membawa kesan yang besar dalam perkembangan tamadun manusia khususnya yang melibatkan perkembangan sains dan teknologi seperti yang digambarkan dengan penggunaan *Buraq* sebagai tunggangan Rasulullah SAW dan Malaikat Jibril AS sepanjang perjalanan *Isra'* antara Mekah dan Bayt al-Maqdis. Justeru, tidak hairanlah apabila kisah ini diadaptasi oleh individu tertentu khususnya yang melibatkan bidang sastera. Hal ini kerana, tanpa iman yang kukuh dalam mengimani kebenaran peristiwa *Isra' Mi'raj*, maka seribu satu khayalan dan imaginasi karut akan bermain dalam kotak fikiran manusia yang sememangnya amat terbatas dan terhad dalam menaakul kejadian yang penuh menakjubkan ini.

## **ADAPTASI ISRA' MI'RAJ DALAM AL-TAWABI' WA AL-ZAWABI'**

Kisah *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* merupakan kisah dalam bentuk puisi yang dikarang oleh Ahmad bin 'Abd al-Malik bin 'Umar bin 'Isa bin Shuhayd atau lebih dikenali sebagai Ibn Shuhayd (382-426H).<sup>34</sup> Menurut Muhammad al-Tunji karya ini telah dihasilkan pada tahun 403 Hijrah.<sup>35</sup> *Al-Tawabi' wa al-Zawabi'* mengandungi mukadimah dan empat fasal yang mengisahkan jin bagi para penyair, penggiat seni prosa, pengkritik sastera, manakala fasal terakhir menceritakan haiwan jin. Sebenarnya, karya ini merupakan surat Ibn Shuhayd yang dikirimkan kepada sahabatnya, Ibn Hazm bagi memberitahu akan keletihannya mengkaji dan menelaah karya-karya yang ditulis oleh para karyawan zaman silam. Perkataan "*al-Tawabi'*" berasal dari perkataan "*al-Tabi'*" (التابع) yang merupakan kata nama bagi jin yang sentiasa mendampingi manusia, manakala "*al-Zawabi'*" berasal daripada perkataan "*al-Zawbiyah'*" (الزوبية) yang bermakna ketua sekalian jin.<sup>36</sup>

Menurut Butrus al-Bustani dalam mukadimah buku *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* yang dihurai olehnya, tujuan utama Ibn Shuhayd menghasilkan karya ini adalah untuk menempelak para menteri dan karyawan lain pada ketika itu seterusnya memperlihatkan kehebatannya dalam menghasilkan karya sastera yang bersifat di luar keupayaan akal manusia untuk menciptanya.<sup>37</sup>

<sup>32</sup> Ibn Kathir, *Safwah al-Sirah al-Nabawiyah*, h. 60.

<sup>33</sup> Ibn Qayyim, *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*, j. 3, h. 27.

<sup>34</sup> Ibn Khallikan, *Wafiyat al-A'yan wa Inba' Abna' al-Zaman*. Diedit oleh: Ihsan 'Abbas (Bayrut: Dar al-Thaqafah, 1969), j. 1, h. 69.

<sup>35</sup> Al-Tunji, Muhammad, *Al-Adab al-Muqaralah* (Bayrut: Dar al-Jil, 1995), h. 126.

<sup>36</sup> Ibid.

<sup>37</sup> Ibn Shuhayd, Ahmad bin 'Abd al-Malik bin 'Umar bin 'Isa, *Risalat al-Tawabi' wa al-Zawabi'*. Diedit oleh: Butrus al-Bustani (Bayrut: Dar Sadir, 1980), h. 70.

Keadaan ini jelas apabila Ibn Shuhayd mengambil suasana alam ghaib sebagai latar karyanya. Menurut Mustafa al-Shak'ah, sumber utama *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* ialah karya *al-Maqamah al-Iblisiyah* karangan Badi' al-Zaman al-Hamadhani yang secara jelas kedua-dua pengkaryanya telah memanfaatkan peristiwa *Isra' Mi'raj*.<sup>38</sup> Malah Mustafa al-Suyufi menyatakan bahawa *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* mempunyai kaitan rapat dengan peristiwa *Isra' Mi'raj* walaupun secara tidak begitu jelas jika dibandingkan dengan *Risalat al-Ghufran* karya Abu al-'Ala' al-Ma'arri.<sup>39</sup>

Ibn Shuhayd menceritakan perjalanannya bersama kudanya yang hebat dan tangkas ke alam ghaib, lalu bertemu dengan Zuhayr bin Numayr yang merupakan antara jin yang paling kuat dan berkuasa. Kemudian kedua-duanya berbual mengenai kisah para khatib dan penyair Arab terkenal pada zaman silam. Setelah itu, dikisahkan bahawa Ibn Shuhayd telah membuat satu permintaan kepada Zuhayr bin Numayr untuk bertemu dengan jin-jin yang lain di alam tersebut. Lalu mereka menunggang seekor kuda milik Ibn Shuhayd yang berwarna hitam serta amat tangkas dan hebat. Mereka pun terbang dengan menggunakan kuda tadi dari satu tempat ke tempat yang lain seperti terbangnya seekor burung yang bebas. Perjalanan mereka akhirnya sampai di suatu tempat yang agak ganjil, lain daripada tempat-tempat yang pernah dilihat oleh Ibn Shuhayd sebelum ini.

Di tempat ini juga Ibn Shuhayd dan ketua jin tadi bertemu dengan beberapa jin lain yang merupakan jin-jin kepada para penyair terkenal pada zaman Jahiliyah seperti jin Imr al-Qays, Tarfah, Qays ibn al-Hatim dan beberapa lagi. Selain itu, mereka juga bertemu dengan jin-jin bagi para penyair zaman Islam seperti jin Abu Tammam, al-Buhturi, Abu Nawwas, dan al-Mutanabbi. Setiap kali berjumpa dengan jin-jin tersebut, Ibn Shuhayd akan berbual mengenai syair mereka yang sememangnya memiliki keistimewaan tersendiri, selain daripada mengambil *ijazah* atau pengiktirafan daripada mereka. Turut diceritakan dalam *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* bahawa Ibn Shuhayd telah bertemu dengan syaitan al-Jahiz, Badi' al-Zaman al-Hamadhani (pengarang *al-Maqamah al-Iblisiyah*) dan 'Abdul Hamid al-Katib iaitu seorang penulis terkenal. Kesemua mereka bukanlah daripada golongan penyair tetapi golongan yang amat aktif dalam penghasilan prosa-prosa kesasteraan Arab. Sebenarnya karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* tidak sampai kepada pembaca pada hari ini dengan kisahnya secara sempurna.

Jika diteliti dengan terperinci karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* ini, ia amat jelas menunjukkan bahawa Ibn Shuhayd telah mengadaptasi peristiwa *Isra' Mi'raj* yang dijadikan asas kepada penggembelangan jalan cerita *al-Tawabi' wa al-Zawabi'*. Secara jelas, pertemuan Ibn Shuhayd dengan jin-jin kepada para penyair zaman Jahiliyah dan Islam menyamai peristiwa yang dialamai oleh Rasulullah SAW dalam *Isra' Mi'raj* yang mana Baginda SAW telah bertemu dengan beberapa orang para Rasul terdahulu seperti Nabi Adam AS, Nabi Idris AS, Nabi Musa AS, Nabi Harun AS, Nabi 'Isa AS, dan juga Nabi Ibrahim AS. Malah situasi yang mana pada setiap kali bertemu dengan jin-jin kepada para penyair tersebut, Ibn Shuhayd akan berbual-bual dan mengambil *ijazah* daripada mereka amat ketara persamaannya dengan peristiwa *Isra' Mi'raj*. Keadaan ini amat jelas apabila dikaji bahawa Rasulullah SAW turut berbual-bual dengan para Rasul terdahulu yang ditemuinya pada setiap tingkatan langit menuju ke *Sidrat al-Muntaha* bagi menerima perintah kewajipan solat secara langsung daripada Allah SWT.

Tanpa syak lagi, adaptasi peristiwa *Isra' Mi'raj* dalam *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* nampak lebih jelas dengan penggunaan seekor binatang ajaib dalam pengembaran Ibn Shuhayd

<sup>38</sup> Al-Shak'ah, Mustafa, *al-Adab fi Mawkip al-Hadharah al-Islamiyah* (Qahirah: al-Dar al-Misriyah al-Lubnaniyah, 1993), h. 682.

<sup>39</sup> Al-Suyufi, Mustafa. *Malamih al-Tajdid fi al-Nathr al-Andalus Khilal al-Qarn al-Khamis al-Hijri* (Bayrut: 'Alam al-Kutub, 1985), h. 76.

iaitu seekor kuda hitam yang hebat, yang dapat terbang seperti burung dari satu tempat ke tempat yang lain dengan pantas.<sup>40</sup> Keadaan ini menyamai kisah *Isra' Mi'raj* yang mana Rasulullah SAW menunggang seekor binatang daripada syurga bernama *Buraq* yang memiliki ketangkasan dalam pergerakannya. Selain itu, pengembaraan ke alam lain yang di alamai oleh Ibn Shuhayd dengan ditemani oleh jin yang amat berkuasa bernama Zuhair ibn Numair menyerlahkan lagi unsur *Isra' Mi'raj* dalam *al-Tawabi' wa al-Zawabi'*. Seperti yang dimaklumi, Rasulullah SAW telah ditemani oleh Malaikat Jibril AS sepanjang peristiwa *Isra' Mi'raj* sehingga Baginda SAW mengadap Allah SWT di *Sidrat al-Muntaha*.

Selain itu, Ibn Shuhayd secara jelas menggunakan perumpamaan dalam al-Qur'an dengan perkataan dan makna yang sama apabila beliau menafikan dirinya sebagai seekor keldai yang membawa kitab-kitab yang besar.<sup>41</sup> Perkara ini menyamai maksud firman Allah SWT di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*"Bandingan orang-orang (Yahudi) yang ditanggungjawab dan ditugaskan (mengetahui dan melaksanakan hukum) kitab Taurat, kemudian mereka tidak menyempurnakan tanggungjawab dan tugas itu, samalah seperti keldai yang memikul bendela kitab-kitab besar (sedang ia tidak mengetahui kandungannya), buruk sungguh bandingan kaum yang mendustakan ayat-ayat keterangan Allah".<sup>42</sup>*

Dari sini dapat dibuat kesimpulan awal bahawa Ibn Shuhayd memang telah memanfaatkan sumber wahyu Ilahi dalam penghasilan *al-Tawabi' wa al-Zawabi'*. Sebagai pengukuhan kepada perkara ini, secara mudah dapat diperhatikan apabila karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* menjadikan alam ghaib sebagai latar karya, maka semestinya ia telah memanfaatkan sumber dari *Isra' Mi'raj* kerana akal manusia amat terbatas dalam memikirkan sesuatu yang tidak mampu digapai secara mudah oleh pancaindera yang lima. Perkara ini turut diulas oleh Munjid Mustafa Bahjat yang menyatakan bahawa titik persamaan yang amat jelas antara karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* dengan peristiwa *Isra' Mi'raj* ialah apabila kedua-duanya membicarakan satu situasi peralihan dari alam nyata ke alam ghaib.<sup>43</sup>

Justeru, secara ringkas, dinyatakan secara ringkas tentang persamaan dan perbezaan antara karya *al-Tawabi' wa Az-Zawabi'* dengan peristiwa *Isra' Mi'raj*. Antara persamaan tersebut ialah:

1. Sebab pengembaraan Ibn Shuhayd adalah sama dengan sebab Rasulullah SAW mengalami peristiwa *Isra' Mik'aj* iaitu kesedihan. Ibn Shuhayd berasa sedih di atas kehilangan orang yang dikasihinya, manakala Rasulullah SAW kehilangan dua orang insan penting dalam hidup Baginda SAW iaitu isterinya Saidatina Khadijah RA dan bapa saudaranya Abu Talib.
2. Pertemuan Ibn Shuhayd dengan jin-jin kepada para penyair Arab zaman Jahiliyah dan zaman Islam menyamai peristiwa dalam peristiwa *Isra' Mi'raj* yang mana Rasulullah SAW telah bertemu dengan beberapa orang Rasul terdahulu seperti Nabi Adam AS, Nabi Idris AS, Nabi Musa AS, Nabi Harun AS, Nabi 'Isa AS, dan Nabi Ibrahim AS.
3. Penggunaan seekor binatang ajaib dalam pengembaraan Ibn Shuhayd iaitu seekor kuda hitam yang hebat, yang dapat terbang seperti burung menyamai peristiwa *Isra' Mi'raj* apabila Rasulullah SAW menunggang seekor binatang daripada Syurga yang bernama *Buraq*.

<sup>40</sup> Ibn Shuhayd, *Risalat al-Tawabi' wa al-Zawabi'*, h. 91.

<sup>41</sup> Ibid., h. 88.

<sup>42</sup> Al-Qur'an, Surah al-Jumu'ah, ayat 5.

<sup>43</sup> Bahjat, Munjid Mustafa, *Al-Adab al-Andalusi min al-Fath Hatta Suqut Gharnatah* (Amman: Dar al-Yaqut, 2001), h. 223.

4. Setiap kali bertemu dengan jin-jin kepada para penyair tersebut, Ibn Syuhaid akan berbual-bual dengan mereka dan mengambil *ijazah* daripada mereka. Begitu juga dengan Rasulullah SAW yang akan berbual-bual dengan para Rasul terdahulu yang ditemuinya pada setiap tingkatan langit menuju ke *Sidrat al-Muntaha* untuk menemui Allah *Rabb al-Jalil*.
5. Pengembaran ke alam lain yang dialamai oleh Ibn Shuhayd ditemani oleh jin yang amat berkuasa iaitu Zuhayr bin Numayr. Manakala Rasulullah SAW ditemani oleh malaikat Jibril AS sepanjang peristiwa *Isra' Mi'raj*.

Dari segi perbezaan pula, dapat dilihat daripada beberapa sudut seperti berikut:

1. Ibn Shuhayd ditemani oleh jin yang mana ia merupakan makhluk Allah SWT daripada kalangan iblis, manakala Rasulullah SAW ditemani oleh hamba Allah SWT yang sentiasa taat kepada-Nya iaitu malaikat Jibril AS.
2. Tidak terdapat penggambaran secara jelas tempat berlakunya kisah dalam *Risalat al-Tawabi' wa Az-Zawabi'* ini, seperti yang berlaku di dalam kisah *al-Maqamah al-Iblisiyah* yang berlaku di satu kawasan yang amat indah, yang digambarkan seperti syurga. Sedangkan tempat-tempat yang dilalui oleh Rasulullah SAW amat jelas dan nyata yang mana kesemuanya termaktub dalam al-Qur'an al-Karim.
3. Tidak terdapat sebarang tujuan utama di sebalik perjalanan Ibn Shuhayd ke alam lain itu, ia hanya sekadar perjalanan biasa untuk bertemu dengan jin-jin kepada para penyair Arab. Dengan kata lain, ia sekadar untuk memenuhi hajatnya yang diminta kepada ketua jin untuk dipenuhi. Sedangkan dalam peristiwa *Isra' Mi'raj* yang dilalui oleh Rasulullah SAW, ia mempunyai misi khas yang amat besar iaitu penyiaran ibadah solat fardu lima waktu yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam daripada zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari Kiamat.

## **ADAPTASI ISRA' MI'RAJ DALAM RISALAT AL-GHUFTRAN**

*Risalat al-Ghufran* merupakan satu karya yang amat terkenal dalam dunia kesusastraan Arab. Karya yang dihasilkan oleh Abu al-'Ala' al-Ma'arri (363-449H) ini telah dihasilkan pada tahun 424H.<sup>44</sup> Karya ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu yang pertama mengenai pengembaran ke alam khayal yang diadaptasi daripada peristiwa *Isra' Mi'raj*, manakala bahagian kedua lebih menjurus kepada surat yang diutuskan kepada sahabat, dalam sastera Arab ia dikenali sebagai seni *al-Rasa'il al-Ikhwaniyah*.<sup>45</sup> Sebenarnya karya ini merupakan jawapan kepada sepucuk surat yang diterima daripada sahabatnya iaitu Abu al-Hassan 'Ali al-Mansur atau lebih dikenali sebagai Ibn al-Qarih (351H-421H). Ibn al-Qarih merupakan seorang sasterawan yang terkenal pada ketika itu.

Hakikatnya, karya ini memaparkan persoalan-persoalan yang diutarakan oleh Ibn al-Qarih kepada Abu al-'Ala' al-Ma'arri tentang kesalahan dan dosa-dosa yang dilakukan oleh manusia seperti meninggalkan kewajipan agama, minum arak, menggunakan kata-kata yang menghairahkan dalam pengucapan dan sebagainya. Kesemua bentuk kesalahan dan dosa ini boleh membawa manusia ke neraka dan kekal sebagai penghuni di dalamnya. Al-Ma'arri menulis risalahnya dengan menjadikan Ibn al-Qarih sebagai watak utama bagi memberi penjelasan kepada manusia bahawa keampunan Allah SWT amat luas bagi mereka yang telah melakukan kesilapan kepada-Nya. Justeru, Umar Faruk menyatakan bahawa tujuan al-Ma'arri menulis *Risalat al-Ghufran* ialah untuk menerangkan kepada manusia bahawa keampunan Allah

<sup>44</sup> Al-Ma'arri, Abu al-Ala', *Risalat al-Ghufran*. Diedit oleh: Bint al-Shati' (Qahirah: Dar al-Ma'arif, tanpa tarikh), h. 387.

<sup>45</sup> Ibid., h. 46.

SWT itu amat luas, yang secara tidak langsung memberi galakan kepada Ibn al-Qarih untuk segera bertaubat.<sup>46</sup> Perkara ini diperkuuhkan dengan beberapa potong ayat al-Qur'an yang dinyatakan dalam karya tersebut bagi memberi gambaran bahawa rahmat Allah SWT itu amat luas bagi hamba-Nya yang sanggup bertaubat.<sup>47</sup> Ayat al-Qur'an ini jelas menunjukkan bahawa al-Ma'arri tidak dapat lari dari memanfaatkan sumber wahyu Ilahi bagi mengukuhkan jalan cerita karyanya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hambaKu yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; Sesungguhnya Dia-lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani".<sup>48</sup>*

Al-Ma'arri menyebut dalam *Risalat al-Ghufran* terdapat ulama' yang berpendapat bahawa ramai penyair-penyair di zaman Jahiliyah mahupun Islam yang akan menjadi penghuni neraka. Akan tetapi mereka boleh masuk ke dalam syurga dengan sebab kerja-kerja sastera mereka. Hal ini walau pun ada yang berpendapat mereka adalah dari golongan *zindiq* (iaitu golongan yang zahirnya Islam tetapi menyembunyikan kekufurannya).<sup>49</sup> Sebenarnya pendapat ini mempunyai kaitan yang rapat dengan al-Ma'arri kerana beliau juga dianggap sebagai seorang *zindiq* kerana karya-karya kontroversinya. Malah Zayn al-Din Umar ibn al-Wardi menyatakan dalam bukunya *Tatimmat al-Mukhtasar fi Ikhbar al-Bashar aw Tarikh Ibn al-Wardi* bahawa Ibn al-Jawzi secara jelas menghukum al-Ma'arri sebagai seorang *zindiq*.<sup>50</sup>

Seterusnya al-Ma'arri membayangkan bahawa watak utama dalam karyanya iaitu Ibn al-Qarih telah sampai ke satu tempat yang amat indah yang digambarkan seperti syurga. Tempat yang dipenuhi dengan pokok-pokok yang merimbun dan dipenuhi dengan kenikmatan seperti terdapatnya hidangan minuman daripada pelbagai jenis yang dihidangkan menggunakan gelas-gelas emas. Minuman-minuman itu pula dituang daripada jag-jag yang diperbuat daripada zabarjad, tempat itu juga dihiasai dengan bunga-bungaan yang amat indah dan segar. Gambaran ini secara jelas membuktikan terdapat pengaruh al-Qur'an dalam karya yang dijadikan sumber ilham kepada imaginasi al-Ma'arri. Sama seperti karya sebelum ini, dalam *Risalat al-Ghufran*, Ibn al-Qarih telah bertemu dengan beberapa orang penyair zaman Jahiliyah yang berada di syurga. Menurut al-Ma'arri, golongan ini berada dalam syurga disebabkan karya-karya mereka yang baik dan indah. Maka dengan itu, walau pun mereka hidup di zaman Jahiliyah, namun mereka telah diberi keampunan atas segala dosa yang mereka lakukan dan seterusnya ditempatkan di dalam syurga. Antara penyair-penyair tersebut ialah al-A'sha, al-Nabighah, 'Adiy dan beberapa orang lagi.

Kemudian, dikisahkan bahawa Ibn al-Qarih sendiri telah menerima syafaat daripada Rasulullah SAW melalui perantaraan Saidatina Fatimah RA, lalu Ibn al-Qarih dibenarkan masuk ke dalam syurga bagi meninjau keadaan syurga tersebut.<sup>51</sup> Sebenarnya, keadaan ini secara jelas menunjukkan al-Ma'arri telah melakukan kesilapan besar kerana melibatkan *ahli bayt* (keluarga Rasulullah SAW) dalam karya imaginasinya. Penglibatan nama puteri Rasulullah SAW dilihat sebagai satu penghinaan terhadap agama Islam kerana tiada sebarang asas kebenaran yang dibawa oleh mesej al-Ma'arri dalam karyanya ini. Seterusnya, Ibn al-Qarih dibawa melihat

<sup>46</sup> Farukh, Umar, *Tarikh al-Adab al-Arabi* (Bayrut: Dar al-'Ilm al-Malayin, 1992), j. 3, h. 125.

<sup>47</sup> Al-Ma'arri, *Risalat al-Ghufran*, h. 211.

<sup>48</sup> Al-Qur'an, Surah al-Zumar, ayat 53.

<sup>49</sup> Ibid.

<sup>50</sup> Ibn al-Wardi, Zain al-Din Umar, *Tatimmat al-Mukhtasar fi Ikhbar al-Bashar aw Tarikh Ibn al-Wardi*. Diedit oleh: Muhammad Mahd al-Sayyid Hassan al-Khurasan (Al-Najf: al-Matba'ah al-Hidriyah, 1969), j. 1, h. 501.

<sup>51</sup> Al-Tunji, *Al-Adab al-Muqararah*, h. 129.

keadaan neraka. Di sana Ibn al-Qarib melihat keadaan iblis yang menerima seksaan yang amat pedih daripada Tuhan-Nya. Selain itu, Imr al-Qays, ‘Antarah, Tarfah, al-Akhtal adalah antara penyair-penyair yang berada di dalam neraka tersebut. Sekali lagi, dapat diperhatikan secara jelas bahawa al-Ma‘arri telah memanfaatkan pengertian ayat al-Qur'an yang menceritakan gambaran seksaan neraka dalam karyanya. Sebagai contoh ialah ketika al-Ma‘arri memberi gambaran tentang seksaan yang diterima oleh Bashar bin Bard.<sup>52</sup> Gambaran ini menepati maksud firman Allah SWT yang menggambarkan situasi seksaan di dalam neraka:

“Kami akan membakar mereka dalam api neraka, tiap-tiap kali kulit mereka masak hangus, Kami gantikan untuk mereka kulit yang lain supaya mereka dapat merasa azab sengsara itu. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah adalah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”.<sup>53</sup>

Begitulah kisah pengembalaan ke alam ghaib yang diceritakan oleh al-Ma‘arri dalam karyanya *Risalat al-Ghufran*; iaitu sebuah karya yang penuh dengan mesej keagamaan. Selain itu, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa karya *Risalat al-Ghufran* ini mempunyai beberapa perkara yang dilihat menyalahi fakta agama Islam. Perkara ini harus diberi penelitian yang sewajarnya walaupun tujuan penulisan karya *Risalat al-Ghufran* ialah untuk menyatakan bahawa keampunan Allah SWT itu amat luas terhadap hamba-Nya. Sudah tentu jika diteliti secara mendalam, karya seperti ini tidak sesuai untuk ditatap oleh golongan kanak-kanak dan juga *mu'allaf* (golongan yang baru masuk Islam). Keadaan ini bagi mengelakkan berlakunya kekeliruan terhadap fakta sebenar dalam Islam khususnya yang berkaitan dengan soal-soal alam ghaib atau disebut dalam istilah tauhid sebagai al-ghaybiyat (الغيبيات). Sesungguhnya perkara ini amat penting untuk dititik-beratkan kerana ia membabitkan soal iman dan akidah yang merupakan antara unsur terpenting dalam Islam serta tidak boleh sama sekali disalah tafsir mahupun diragui kesahihannya.

Menurut Muhammad Ghunaymi Hilal, terdapat pendapat yang menafikan sekeras-kerasnya pendapat sesetengah pihak lain apabila menyatakan bahawa *Risalat al-Ghufran* karya al-Ma‘arri telah terkesan dengan karya Ibn Shuhayd iaitu *al-Tawabi' wa al-Zawabi'*.<sup>54</sup> Pendapat yang menafikan kaitan *Risalat al-Ghufran* dengan *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* ini berhujah dengan menyatakan bahawa perbezaan tahun penghasilan kedua-dua karya tersebut amat jauh dan ini menjadikan para pengkaji sukar untuk mengaitkan hubungan antara keduanya. Di samping itu, hakikatnya karya *Risalat al-Ghufran* adalah jauh lebih terperinci serta memiliki ciri-ciri pengkisahan yang agak menarik berbanding dengan karya *al-Tawabi' wa al-Zawabi'* oleh Ibn Shuhayd. Malah, terdapat juga pendapat yang menyatakan bahawa karya *Risalat al-Ghufran* terpengaruh dengan sebuah kitab Parsi yang sememang menjadi pegangan sesetengah orang Islam apabila membicarakan peristiwa *Isra' Mi'raj*.<sup>55</sup> Keadaan ini berlaku meskipun di dalam kitab Parsi ini sarat dengan ciri-ciri khurafat yang amat bertentangan dengan peristiwa *Isra' Mi'raj* sebenar sepertimana yang dijelaskan di dalam al-Qur'an dan Hadis Nabi SAW yang sahih.

Bagi menjelaskan hujah bahawa *Risalat al-Ghufran* adalah satu adaptasi daripada peristiwa *Isra' Mi'raj*, artikel ini akan menghuraikan beberapa persamaan antara keduanya. Sebagai contoh ialah wujudnya penceritaan tentang nikmat syurga dan azab neraka sepertimana yang disaksikan oleh Ibn al-Qarib dalam *Risalat al-Ghufran* dan keadaan inilah yang telah dialamai oleh Rasulullah SAW semasa *Isra' Mi'raj*. Selain itu, satu fakta yang tidak dapat dinafikan kebenarannya dalam kisah *Risalat al-Ghufran* ialah keadaan syaitan diperlihatkan

<sup>52</sup> Al-Ma‘arri, *Risalat al-Ghufran*, h. 302.

<sup>53</sup> Al-Qur'an, Surah al-Nisa', ayat 56.

<sup>54</sup> Hilal, Muhammad Ghunaymi, *Al-Adab al-Muqaran* (Bayrut: Dar al-'Awdah, 1983), h. 223.

<sup>55</sup> Ibid., h. 224.

dalam keadaan diseksa dalam neraka. Secara jelas, ia menceritakan satu fakta yang memang terdapat dalam al-Qur'an yang mana menyatakan tempat bagi syaitan adalah neraka yang bersifat azab. Firman Allah SWT di dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*"Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagimu, maka anggaplah ia musuh (mu), kerana sesungguhnya syaitan-syaitan itu hanya mengajak golongannya supaya mereka menjadi penghulu neraka yang menyala-nyala".<sup>56</sup>*

Penurunan fakta sebenar yang disandarkan kepada al-Qur'an seperti di atas telah membuktikan bahawa al-Ma'ari berusaha untuk menampakkan bahawa khayalan imaginasinya dalam *Risalat al-Ghufran* adalah sesuatu yang tidak boleh tidak, perlu diterima oleh akal manusia yang amat terbatas. Justeru, bagi pembaca yang telah sedia maklum tentang peristiwa *Isra' Mi'raj*, mereka akan dapat menerima gambaran mesej yang ingin disampaikan oleh al-Ma'ari dengan mudah. Namun, keadaan ini tidak sesekali dapat diterima dengan selesa oleh mereka yang berpegang teguh kepada fakta yang terkandung dalam al-Qur'an kerana masih terdapat banyak fakta yang disampaikan oleh al-Ma'ari dalam karyanya ini boleh menjelaskan akidah pembacanya yang Muslim. Sesungguhnya keraguan yang timbul berkaitan kebenaran perkara-perkara ghaib yang dinyatakan dalam al-Qur'an boleh secara langsung menjadikan seseorang Muslim itu sebagai kufur.

Dari segi perbezaan antara karya *Risalat al-Ghufran* dengan peristiwa *Isra' Mi'raj* pula, ia dapat dilihat daripada beberapa sudut seperti yang berikut:

1. Sebab yang membawa Ibn al-Qarih dibawa melihat keadaan syurga dan neraka tidak begitu jelas, akan tetapi sebab Rasulullah SAW dibawa melihat keadaan syurga dan neraka amat jelas iaitu untuk menggembirakan hati Baginda SAW yang sedang sedih kerana pemergian insan yang dikasihinya. Lalu Baginda SAW dibawa melihat keadaan syurga yang penuh dengan kenikmatan. Manakala keadaan di mana Baginda SAW dibawa ke neraka adalah untuk memberi gambaran kepada Baginda SAW akan azab-azab yang bakal diterima oleh umatnya yang ingkar, lalu sebaik pulang daripada perjalanan *Isra' Mi'raj*, Baginda SAW dapat menceritakan keadaan tersebut kepada umatnya agar dapat menjadi pedoman dan iktibar berguna serta menjauhi perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT.
2. Ibn al-Qarih tidak bertemu dengan sesiapa ketika melawati tempat-tempat yang dijelaskan dalam karya *Risalat al-Ghufran* sedangkan dalam peristiwa *Isra' Mi'raj*, Rasulullah SAW telah bertemu dengan para Nabi yang terdahulu daripada Baginda SAW seperti Nabi Adam AS, Nabi Idris AS, Nabi 'Isa AS, Nabi Musa AS, Nabi Harun AS, dan Nabi Ibrahim AS.
3. Ibn al-Qarih tidak ditemani oleh sesiapa ketika melawati tempat-tempat yang digambarkan seperti syurga dan neraka itu, sedangkan Rasulullah SAW telah ditemani oleh malaikat Jibril AS sepanjang Baginda melalui peristiwa *Isra' Mi'raj*.
4. Tiada sejenis binatang yang digunakan oleh Ibn al-Qarih sebagai alat tunggangan beliau dalam kisah *Risalat al-Ghufran*, sedangkan dalam peristiwa *Isra' Mi'raj*, Rasulullah SAW menunggang *Buraq* untuk bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain.
5. Dalam *Risalat al-Ghufran*, telah diceritakan bahawa Ibn al-Qarih telah menyeberangi titian *al-Sirat*, akan tetapi tidak terdapat maklumat yang menyatakan Rasulullah SAW telah menyeberangi titian *al-Sirat* semasa melalui perjalanan *Isra' Mi'raj*.
6. Selain itu, ketika Ibn al-Qarih hendak memasuki syurga untuk meninjau keadaan di dalamnya, terdapat malaikat yang menjaga syurga iaitu yang bernama "Ridwan"

<sup>56</sup> Al-Qur'an, Surah Fatir, ayat 6.

melarangnya untuk masuk, hal ini tidak berlaku kepada Rasulullah SAW semasa peristiwa *Isra' Mi'raj*.

## PENDIRIAN ISLAM TENTANG ADAPTASI WAHYU ILAHI

Daripada penelitian terhadap dua buah karya kesusasteraan Arab ini, satu kesimpulan boleh dibuat bahawa kisah-kisah yang terkandung dalam al-Qur'an telah dimanfaatkan secara meluas oleh para karyawan Arab dalam usaha memperlihatkan kehebatan karya ciptaan mereka. Bukan sahaja peristiwa *Isra' Mi'raj* yang telah diadaptasi oleh pihak-pihak ini, malah terdapat banyak lagi kisah benar yang seumpamanya telah diadaptasi secara batil oleh mereka. Sebagai contoh lain, kisah Nabi Yusuf AS yang terdapat dalam al-Qur'an telah dijadikan satu sumber ilham kepada penghasilan sebuah teater bertajuk "*Joseph and His Brethren*". Karya ini pada asalnya telah ditulis oleh seorang novelis terkenal bernama Thomas Man (1875-1955M). Pengiktirafan Allah SWT secara jelas terhadap kisah Nabi Yusuf AS ini dapat dilihat apabila kisah ini diangkat sebagai sebuah kisah yang paling indah dalam al-Qur'an. Keadaan ini turut memberi pengaruh yang kuat kepada pemanfaatan kisah ini dalam karya-karya sastera khususnya di Barat. Firman Allah SWT di dalam Surah Yusuf yang bermaksud:

*"Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya".<sup>57</sup>*

Jika dilihat kepada peristiwa *Isra' Mi'raj* pula, kegiatan penterjemahan peristiwa ini seperti yang telah dilakukan oleh Munoz Sendino dan Enrico Cerolli menampakkan lagi kehebatan pengaruh peristiwa ini dalam kegiatan keilmuan masyarakat Barat. Malah jika disoroti pada zaman permulaan Islam, al-Qur'an telah memberi pengaruh yang besar dalam perkembangan kesusasteraan Arab pada ketika itu. Sememangnya al-Qur'an itu diturunkan sebagai satu cabaran dan tamparan hebat buat musyrikin Mekah yang sememangnya terkenal dengan kehebatan seni puisi mereka. Malah ada di kalangan musyrikin Mekah yang melemparkan tuduhan liar terhadap Rasulullah SAW dengan mengatakan bahawa Baginda SAW merupakan seorang penyair dan al-Qur'an itu datang daripada Baginda SAW sendiri. Perkara ini telah di\$tempelak oleh Allah SWT menerusi firman-Nya yang bermaksud:

*"Bahawa sesungguhnya al-Quran itu ialah (wahyu dari kami) yang disampaikan oleh Rasul yang mulia. Dan bukanlah al-Quran itu perkataan seorang penyair (sebagaimana yang kamu dakwakan. tetapi sayang!) amatlah sedikit kamu beriman".<sup>58</sup>*

Perlu ditegaskan di sini bahawa martabat al-Qur'an sebagai *Kalamullah* amatlah tinggi. Justeru, al-Qur'an tidak boleh ditafsirkan menurut akal fikiran manusia yang amat terbatas. Malah pemanfaatan isi kandungan al-Qur'an dalam apa juga bidang seperti sastera, tidak boleh sama sekali menyalahi konteks sebenar ayat itu diturunkan. Ayat al-Qur'an mesti difahami dan digunakan pada konteks asalnya kecuali pada ayat-ayat yang *mutashabihat* atau yang bersifat kurang jelas serta maknanya tidak disepakati oleh semua ulama', maka ia boleh dimaksudkan mengikut pandangan ulama'-ulama' tersebut. Namun, pandangan ulama' tersebut juga perlu selari dengan landasan yang telah ditetapkan oleh Islam. Dengan kata lain, ia tidak sesekali bercanggah dengan prinsip asas Islam yang telah sediakala jelas. Sebenarnya, ketidaksepakatan dalam menafsirkan ayat-ayat *mutashabihat* tersebut tidak sesekali memperlihatkan kepincangan al-Qur'an tetapi ia memberi mesej yang jelas bahawa Islam itu satu agama rahmat yang

<sup>57</sup> Al-Qur'an, Surah Yusuf, ayat 3.

<sup>58</sup> Al-Qur'an, Surah al-Haqiqah, ayat 40-41.

meraikan perbezaan pendapat mengenai perkara-perkara *furu'* (sampingan) yang kesan akhirnya memberi kemudahan kepada umat Islam sendiri dalam melaksanakan tuntutan agama.

Setiap peristiwa atau kisah yang dirakamkan dalam al-Qur'an memiliki nilai keindahan tinggi bagi membolehkan sesiapa sahaja yang membaca dan menghayatinya terkesan dengan isi kandungannya. Setiap peristiwa yang dirakamkan dalam al-Qur'an mempunyai signifikannya yang tersendiri untuk dimanfaatkan dalam kehidupan manusia mahu pun dijadikan iktibar sebagai wadah untuk melakukan muhasabah diri. Apa yang lebih utama untuk ditegaskan di sini ialah setiap peristiwa atau kisah al-Qur'an membawa mesej benar dan jauh daripada sebarang bentuk khayalan atau omongan kosong. Walau pun kadang-kala peristiwa tersebut menjangkaui batas fikiran manusia, tetapi ia semestinya jauh daripada retorik dan khurafat yang menyesatkan. Sebagai contoh, peristiwa *Isra' Mi'raj* yang dibincangkan dalam artikel ini, ia merupakan antara kisah al-Qur'an yang faktanya menjangkaui batas fikiran manusia. Justeru, kepercayaan dan keimanan terhadap peristiwa ini yang termasuk dalam perkara-perkara ghaib (*ghaybiyat*) menjadi titik-tolak kepada pembuktian keimanan seseorang kepada Allah SWT. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya yang bermaksud:

*"Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertakwa; Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka".<sup>59</sup>*

Oleh itu, sebarang bentuk adaptasi terhadap kisah atau pun peristiwa benar yang dirakamkan dalam al-Qur'an adalah sesuatu yang amat bertentangan dengan akidah Islam. Namun, perlu ditegaskan di sini bahawa, perkara ini tidak bermakna manusia tidak boleh mengambil idea daripada isi al-Qur'an, tetapi jika ini berlaku, ia haruslah selari dengan konteks ayat itu diturunkan dan tidak sesekali dicemari dengan imaginasi yang boleh merosakkan kesahihan dan kebenaran wahyu Ilahi tersebut. Penggunaan kisah al-Qur'an perlu disampaikan dengan betul dan tepat agar ia tidak dilihat bertentangan dengan maksud atau konteks sebenar ayat tersebut diturunkan (*sabab nuzul al-ayah*). Secara ringkasnya perlu ditegaskan bahawa sebarang bentuk adaptasi kisah al-Qur'an dalam karya sastera perlu selari dengan konteks atau tujuan ayat tersebut, manakala sebarang bentuk usaha mengadaptasi kisah al-Qur'an secara songsang dan sesat perlu ditolak secara tuntas agar kesucian al-Qur'an dan kekuuhan iman dapat dipelihara.

## PENUTUP

Peristiwa *Isra' Mi'raj* merupakan salah satu daripada tanda-tanda kekuasaan Allah SWT yang tidak dapat dijangkau oleh fikiran manusia yang amat terbatas. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT secara terang melalui firman-Nya menerusi ayat pertama *Surah al-Isra'* yang menegaskan bahawa tujuan utama peristiwa ini ialah untuk memperlihatkan sebahagian daripada tanda-tanda kebesaran Ilahi. Tidak dapat dinafikan bahawa kehebatan peristiwa *Isra' Mi'raj* ini telah mempengaruhi dunia kesusasteraan terutama dalam ruang lingkup kesusasteraan Arab. Perkara ini bertitik-tolak daripada hasrat para karyawan yang mahu memperlihatkan kehebatan masing-masing dengan mencipta sebuah karya yang melangkaui batas kemampuan akal untuk memikirkannya. Walau bagaimanapun, usaha mengadaptasi peristiwa *Isra' Mi'raj* secara songsang dalam karya-karya sastera ini perlu dilihat sebagai satu perkara yang boleh menggoyahkan akidah umat Islam yang membacanya.

<sup>59</sup> Al-Qur'an, Surah al-Baqarah, ayat 2-3.

Sebenarnya, pemanfaatan kisah al-Qur'an dalam karya sastera dibenarkan asalkan ia tidak lari daripada konteks dan tujuan asal kisah itu diwahyukan. Jika perkara ini tidak diusahakan, sebarang bentuk adaptasi kisah al-Qur'an akan memberi impak negatif terhadap akidah pembacanya yang Muslim. Hakikatnya, peristiwa *Isra' Mi'raj* mempunyai peranannya yang tersendiri dalam perkembangan kesusasteraan Arab. Walaupun dari kaca mata Islam, terdapat beberapa aspek negatif dalam karya-karya ini, kesan daripada kegiatan mengadaptasi peristiwa benar seperti *Isra' Mi'raj*, ia tetap tidak menafikan bahawa peristiwa inilah yang telah mencorak idea dan jalan cerita karya tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu Muslim khususnya yang terlibat dalam dunia kesusasteraan agar sama-sama berusaha untuk menghasilkan karya-karya Islam yang secara langsung dapat menolak sebarang unsur-unsur negatif berkaitan Islam. Keadaan ini secara tidak langsung, dapat meningkat dan mengembangkan lagi karya-karya Sastera Islam yang mampu menjadi wadah penyampaian dakwah Islamiyah yang berkesan.

## DAFTAR PUSTAKA

- Al-'Asqalani. 2003. *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Jil. 7. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Bahjat, Munjid Mustafa. 2001. *Al-Adab al-Andalusi min al-Fath Hatta Suqut Gharnatah*. Amman: Dar al-Yaqut.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2003. *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- Farukh, Umar. 1992. *Tarikh al-Adab al-Arabi*. Bayrut: Dar al-'Ilm al-Malayin.
- Al-Haithami, al-Hafiz Nur al-Din 'Ali bin Abi Bakr bin Sulayman. 2001. *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*. Jil 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Hilal, Muhammad Ghunaymi. 1983. *Al-Adab al-Muqaran*. Bayrut: Dar al-'Awdah.
- Ibn al-Wardi, Zayn al-Din Umar. 1969. *Tatimmat al-Mukhtasar fi Ikhbar al-Bashar aw Tarikh Ibn al-Wardi*. Diedit oleh: Muhammad Mahd al-Sayid Hassan al-Khurasan. Al-Najf: Al-Matba'ah al-Hidriyah.
- Ibn Kathir. 2007. *Safwah al-Sirah al-Nabawiyah*. Jil. 2. Qahirah: Wizarah al-Awqaf Jumhuriyah Misr al-'Arabiyah.
- Ibn Khallikan. 1969. *Wafiyat al-A yan wa Inba' Abna' al-Zaman*. Diedit oleh: Ihsan 'Abbas. Bayrut: Dar al-Thaqafah.
- Ibn Manzur. 1990. *Lisan al-Arab*. Jil. 14. Bayrut: Dar Sadir.
- Ibn Shuhayd, Ahmad bin 'Abd al-Malik bin 'Umar bin 'Isa. 1980. *Risalat al-Tawabi' wa al-Zawabi'*. Diedit oleh: Butrus al-Bustani. Bayrut: Dar Sadir.
- Al-Jawziyah, Ibn Qayyim. 2003. *Zad al-Ma'ad fi Hady Khayr al-'Ibad*. Jil. 3. Bayrut: Dar al-Fikr.

Al-Ma‘arri, Abu al-Ala’. Tanpa tarikh. *Risalat al-Ghufran*. Dedit oleh: Bint al-Shati’. Qahirah: Dar al-Ma‘arif.

Al-Mubarakfuri, Safi al-Din. 2000. *Al-Rahiq al-Makhtum*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.

Samsu Adabi Mamat. “Israk Mikraj: Mencari Panduan Ketamadunan”, dipetik daripada: <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/lihat.php?jakim=1868>, pada 1 Juni 2010, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Al-Shak‘ah, Mustafa. *Al-Adab fi Maw�ib al-Hadarah al-Islamiyah*. Qahirah: Al-Dar al-Misriyah al-Lubnaniyah.

Al-Suyufi, Mustafa. 1985. *Malamih al-Tajdid fi al-Nathr al-Andalusi Khilal al-Qarn al-Khamis al-Hijri*. Beirut: ‘Alam al-Kutub.

Al-Tunji, Muhammad. 1995. *Al-Adab al-Muqaranah*. Beirut: Dar al-Jil.